A

TAN AH LEK

lwn.

PENGUASA PUSAT PEMULIHAN AKHLAK SIMPANG RENGGAM & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN ABDUL AZIZ PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-40-2007]
19 DISEMBER 2007

C

TAHANAN PENCEGAHAN: *Habeas corpus - Perintah tahanan - Keteraturan dan kesahan - Tarikh perintah ditandatangani berbeza dari tarikh ia dikuatkuasa - Sama ada sah - Sama ada ultra vires - Sama ada melanggar peruntukan keperluan prosedur - Ordinan Darurat (Keselamatan Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, ss. 3, 4(1)*

D

Ini adalah permohonan untuk satu perintah *habeas corpus* bagi membebaskan pemohon dari tahanan pencegahan atas alasan bahawa Timbalan Menteri Dalam Negeri, responden kedua di sini, dalam mengeluarkan perintah tahanan, telah bertindak secara *ultra vires* dan
E bercanggah dengan s. 4(1) Ordinan Darurat (Keselamatan Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan'). Fakta menunjukkan bahawa responden kedua telah menandatangai perintah pada 22 Disember 2005 bagi menahan tertuduh selama dua tahun di bawah Ordinan, namun kuatkuasa perintah hanya bermula pada 25 Disember 2005. Pemohon
F berhujah bahawa kewujudan perbezaan tempoh selama 3 hari tersebut telah menjadikan perintah tahanan dan penahanannya tak sah dan batal di sisi undang-undang. Responden kedua, melalui afidavitnya, menjelaskan bahawa perbezaan tempoh 3 hari tersebut adalah perlu mengambil kira proses dokumentasi dan proses pemindahan pemohon dari tahanan polis kepada tahanan beliau. Diperjelas selanjutnya bahawa perintah tahanan
G adalah sah kerana dibuat pada hari ke 57, iaitu sebelum tempoh 60 hari penahanan di bawah s. 3 Ordinan berakhir.

Diputuskan (menolak permohonan):

H

(1) Menerimapakai keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam *Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors and Other Appeals*, tiada obligasi undang-undang yang mengkehendaki perintah tahanan dan tarikh perlaksanaannya berkuatkuasa pada tarikh yang sama. Oleh itu, tidak berlaku ketidakpatuhan undang-undang ataupun perlanggaran mana-mana keperluan prosedur di
I bawah Ordinan. Selain itu, tarikh tandatangan perintah juga adalah dalam tempoh 60 hari penahanan di bawah s. 3. Maka perbezaan 3 hari tersebut adalah dalam tempoh penahanan yang sah di sisi undang-undang. (perenggan 6)

(2) Responden kedua dalam afidavitnya telah memberi penjelasan kenapa tarikh tandatangan dan tarikh berkuatkuasa perintah berbeza dan mahkamah menerima penjelasan tersebut. Bukanlah pula menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menganalisa atau menyemak sama ada alasan Menteri tersebut munasabah atau tidak. Adalah memadai bahawa penjelasan telah diberikan. (perenggan 8)

Kes-kes yang dirujuk:

Er Soon Hua v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2007] 8 CLJ 273 HC ***(dirujuk)***

Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors & Other Appeals [2003] 1 CLJ 225 FC ***(dirujuk)***

Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Keselamatan M'sia Dalam Negeri & Ors [2007] 5 CLJ 171 CA ***(dirujuk)***

Kumaran Suppiah v. Dato' Noh Hj Omar & Anor [2006] 4 CLJ 675 FC ***(dirujuk)***

Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2005] 3 CLJ 914 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Emergency (Public Order & Prevention of Crime) Ordinance 1969, ss. 3, 4(1)

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh (Ramkarpal Singh, A Magesan & Sangeet Kaur Deo bersamanya); T/n Karpal Singh & Co

Bagi pihak responden - Najib Zakaria (Nahra Dollah & Syed Faisal bersamanya) TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Abdul Aziz PK:

Pengenalan

[1] Ini adalah satu notis usul di lampiran 3 yang difailkan oleh pemohon, Tan Ah Lek bagi satu perintah *habeas corpus* bahawa tahanan terhadap pemohon oleh responden 1 dan 2 adalah tidak sah dan terbatal.

[2] Isu tunggal yang terkandung di para 5 affidavit pemohon adalah tentang perintah tahanan yang ditandatangani oleh Dato' Noh bin Haji Omar, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia pada masa material telah diperturunkan pada 22 Disember 2005 sedangkan perintah di bawah Ordinan Darurat (Keselamatan Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 berkuatkuasa pada 25 Disember 2005. Isu di sini adalah sama ada Timbalan Menteri (responden 2) telah bertindak secara *ultra vires*, bercanggah dengan s. 4(1) Ordinan berkenaan dan jika benar, maka penahanan pemohon adalah tidak sah dan patut dibenarkan.

[3] Otoriti mengenai prinsip undang-undang telah digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri M'sia & Ors* [2005] 3 CLJ 914, di mana Hakim Abdul Hamid Mohamad, Hakim Mahkamah Persekutuan pada halaman 930 - 931 menyatakan, antara lain:

> In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a *habeas corpus* application where the detention order of the Minister made under section 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent sections in ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down to procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.

Alasan Pemohon Atas "Procedural Non Compliance"

[4] Fakta yang tidak dipertikaikan menunjukkan pada 22 Disember 2005, responden 2 telah mengeluarkan satu perintah tahanan terhadap pemohon supaya pemohon ditahan selama dua tahun mulai daripada 25 Disember 2005 dan alasan yang diberikan kenapa terdapat perbezaan tempoh selama tiga hari adalah seperti berikut:

> 9. Berhubung perenggan 5 dalam afidavit pemohon, saya sesungguhnya ingin menjelaskan bahawa perbezaan tarikh Perintah Tahanan yang ditandatangani oleh saya pada 22.12.2005 dari tarikh perlaksanaan bermulanya Perintah Tahanan tersebut iaitu pada 25.12.2005 yang berbeza selama 3 (tiga) hari adalah kerana pada tempoh tersebut, mengambil kira proses dokumentasi, keselamatan dan proses pemindahan pemohon dari tahanan polis kepada tahanan saya. Selanjutnya saya menyatakan bahawa pada masa yang sama keputusan perintah penahanan dibuat pada hari ke-57 sebelum tempoh 60 hari penahanan di bawah seksyen 3 Ordinan tersebut berakhir, maka saya percaya perbezaan tiga hari tersebut adalah dalam tempoh masa penahanan yang sah di bawah undang-undang. Saya juga sesungguhnya tidak menetapkan tarikh berkuat-kuasa perintah tersebut pada hari yang sama saya menandatangani perintah tersebut kerana semasa itu keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors and Other Appeals* [2003] 1 CLJ 225 tidak menetapkan obligasi undang-undang supaya tarikh perintah dan tarikh berkuatkuasa perintah tersebut perlu ditandatangani dan berkuatkuasa pada hari yang sama.

[5] Di dalam kes *Kam Teck Soon*, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menandatangani perintah tahanan pada 1 September 1999 tetapi hanya berkuatkuasa pada 5 September 1999, kelewatan selama empat hari, Ahmad Fairuz CJ (Malaya) pada ketika itu menyatakan antara lain:

> It is to be observed that the legislature did not use words 'like from the date in such order' or 'from the date as may be specified in such order' for that would have given the power to the Minister to specify a different date from the date of the order. The statute may even be silent on the date of commencement as in the case of the two other legislations referred to earlier.
>
> On the strength of *Tan Hoon Seng v. Minister of Home Affairs, Malaysia* [1990] 1 CLJ 423; [1990] 1 CLJ (Rep) 271, I find that the contention of the appellant on the second issue is without merit, more so when the period of 60 days' detention expired on 7 September 1999, and the detention order took effect from 5 September 1999.

[6] Menerimapakai keputusan kes *Kam Teck Soon*, saya putuskan bahawa tiada obligasi undang-undang bagi perintah tahanan dan tarikh perlaksanaan berkuatkuasa pada tarikh yang sama dan oleh itu, tidak berlaku ketakpatuhan undang-undang ataupun perlanggaran mana-mana keperluan prosedur di bawah Ordinan 1969. Dengan hal yang demikian, saya tidak menemukan apa-apa merit dalam hujah peguam terhadap isu ini.

[7] Mahkamah juga memutuskan, tarikh berkuatkuasa perintah pada 25 Disember 2005 adalah masih dalam tempoh tahanan mahkamah selama 60 hari, iaitu pada hari ke 57, pemohon ditahan. Menerima pakai prinsip kes *Kam Teck Soon*, saya putuskan semasa tarikh tandatangan perintah pada 22 Disember 2005 adalah dalam tempoh 60 hari penahanan di bawah s. 3 Ordinan tersebut berakhir maka perbezaan 3 hari tersebut adalah dalam tempoh penahanan yang sah di sisi undang-undang.

[8] Merujuk kepada kes *Kumaran Suppiah v. Dato' Noh Hj Omar & Anor* [2006] 4 CLJ 675, mahkamah memutuskan bahawa sebarang kelewatan mestilah dijelaskan. Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, responden 2 di dalam afidavitnya telah memberikan penjelasan kenapa tarikh tandatangan dan tarikh berkuatkuasa perintah berbeza dan saya terima penjelasan tersebut. Bukanlah pula menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menganalisa atau menyemak samada alasan Menteri tersebut adalah munasabah atau tidak. Jika penjelasan ada diberikan, maka ini sudah mencukupi.

[9] Saya juga mendapati pihak pemohon telah gagal untuk mengulaskan penjelasan Menteri berkenaan dan ini menjurus kepada pemohon bersetuju atau mengambil kira alasan tersebut. Dengan itu prinsip kes

A *Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Dalam Negeri M'sia & Ors* [2007] 5 CLJ 171 terpakai di mana Hakim Zulkifli Ahmad Makinudin menyatakan antara lain:

> It is also to be noted that the appellant chose not to challenge or to rebut the Deputy Minister's explanation relating to the time taken in the performance of his legal task under section 2 of the Act as contained in his affidavit in reply in encl. 8. Such an omission by the appellant to question the explanation given by the Deputy Minister rendered the said explanation as being plausible and unchallenged facts.

C **[10]** Saya juga merujuk kepada kes *Er Soon Hua v. Timbalan Menteri Dalam Negeri M'sia & Ors* (Permohonan Jenayah No. 44-63-06 di Mahkamah Tinggi Johor Bahru) di mana pemohon mencabar tarikh menandatangani perintah tahanan pada 6 Januari 2006 manakala tarikh berkuatkuasa perintah pada 12 Januari 2006, di mana berlaku kelewatan D selama enam hari. Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam kes berkenaan telah memberikan penjelasan kenapa kelewatan berlaku dan ini diterima oleh mahkamah dan tidak berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur di bawah Ordinan 1969.

E **[11]** Keputusan Mahkamah Tinggi ini telah dirayu ke Mahkamah Persekutuan yang bersidang di Johor Bahru pada Ogos 2007 (Rayuan Jenayah JB 05-29-2007) dan keputusan Mahkamah Tinggi telah dikekalkan.

[12] Pada kesimpulannya, pada hemat saya, pemohon telah gagal untuk F menunjukkan bukti terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur Darurat Ordinan 1969. Perintah Tahanan yang dikemukakan di mahkamah menunjukkan penahanan telah dibuat dengan menggunakan kuasa undang-undang yang sah.

G **[13]** Berdasarkan kepada keterangan yang dibawa kehadapannya, saya berpendapat penahanan pemohon pada masa ini di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam Johor adalah sah dan mengikut undang-undang.

[14] Dengan yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang telah saya H huraikan di atas, Notis Usul di Lampiran (3) bagi permohonan *habeas corpus* ditolak.

I